

Hujan dijangka berterusan di Pantai Timur, Johor

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Cuaca lembap di Pantai Timur dan Johor dijangka berterusan sehingga akhir tahun dengan taburan hujan antara 500 hingga 1,000 milimeter (mm) sebulan.

Jurucakap Jabatan Meteorologi berkata, keadaan tersebut adalah normal disebabkan fasa peralihan monsun yang menyebabkan kejadian hujan berserta ribut petir.

"Ini kerana keadaan atmosfera menjadi kurang stabil. Walau bagaimanapun, jumlah taburan hujan pada tahun ini tidak seburuk tahun lalu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Bulan lalu, hampir seluruh kawasan di Semenanjung menerima

taburan hujan yang kurang daripada paras purata iaitu di antara 100mm hingga 250mm, kecuali Selangor dan Selatan Perak yang menerima hujan melebihi purata iaitu antara 400 mm hingga 500 mm.

Keadaan cuaca yang kering itu dipengaruhi oleh taufan dan ribut tropika yang telah berlaku sepanjang bulan Oktober di Laut China Selatan.

Tambah jurucakap tersebut, Jabatan Meteorologi bagaimanapun telah mengeluarkan amaran jingga sebagai langkah berhati-hati ekoran hujan yang kadangkala menjadi sederhana mula turun dan dijangka berterusan untuk tempoh melebihi satu hari, selain sebagai langkah bersiap untuk menghadapi banjir.